

Isu perkauman punca majoriti BN merosot

BH 13 JUN 2000

TOKYO, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata isu perkauman dan agama yang digunakan Parti Keadilan Nasional (Keadilan) dan DAP mungkin menjadi punca pengurangan majoriti yang diperolehi calon Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya kecil Teluk Kemang 10 Jun lalu.

Perdana Menteri berkata Keadilan menggunakan isu 'hendak masjid atau kuil', manakala DAP pula menggunakan isu pemusnahan babi di Lukut.

"Politik perkauman inikah tidak sihat, tetapi parti lawan tidak segan buat apa saja. Apabila perlu kerjasama, dia peluk dengan DAP," katanya pada sidang akhbar di akhir lawatan kerja seminggu ke Jepun, hari ini. Perdana Menteri dijadualkan berlepas pulang ke Kuala Lumpur pagi esok.

Dalam pilihan raya kecil itu, calon BN, S Sothinathan memperoleh 24,500 undi manakala calon Keadilan, Ruslan Kassim mendapat 18,528 undi. Pada pilihan raya umum tahun lalu, BN menang dengan majoriti 9,942 undi.

Dr Mahathir berkata BN akan mengkaji punca kemerosotan majoriti itu dan yakin boleh mengatasinya dalam pilihan raya umum akan datang.

"Kerajaan sudah membayar ganti rugi kepada penternak babi, tetapi DAP masih guna isu itu supaya penduduk tidak puas hati dengan kerajaan," katanya.

Mengenai pembubaran beberapa cawangan dan bahagian Keadilan di seluruh negara serta kemasukan se-

mula beberapa ahlinya ke dalam Umno, Dr Mahathir berkata: "Lama-kelamaan mereka akan sedar. Ada yang sedar awal, ada yang ambil masa.

"Akan tetapi saya rasa amat sedih kerana kita berada dalam keadaan cemas dan negara kita sedang diserang serta usaha dibuat untuk kuasai ekonomi Malaysia supaya kerajaan tunduk kepada kuasa asing seperti yang berlaku kepada negara lain.

"Sepatutnya orang Melayu merapatkan barisan dan sokong kerajaan untuk menghadapi serangan itu. Tetapi mereka asyik dengan perselisihan sesama mereka. Mereka asyik nak dakwa siapa antara mereka lebih Islam.

"Benda macam ini melemahkan kita dan akhirnya Malaysia akan mempunyai mereka yang lebih Islam atau kurang Islam, tetapi mereka akan 'ditakluki' oleh orang asing.

"Ini berlaku depan mata kita, tetapi kita fikir itu tidak akan berlaku kepada kita kerana kita mempunyai kerajaan yang kuat," katanya.

Bagaimanapun, katanya, jika percubaan dibuat secara berterusan kerajaan boleh menjadi lemah dan tidak mungkin dapat mempertahankan kemerdekaan negara.

Mengulas keputusan Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, membatalkan hasratnya untuk meletak jawatan daripada Kabinet pula, Dr Mahathir berkata:

"Ling telah jumpa saya sebelum saya berlepas ke

Jepun. Beliau terima nasihat saya supaya tidak letak jawatan kerana bagi saya, beliau telah menjalankan tugas dengan baik."

Sambil memuji Ling sebagai menteri yang berpengalaman dan berjaya 'menghidupkan' perniagaan pelabuhan di Malavsia. Perdana Menteri berkata komitmen dan kerja beliau sangat bagus.

"Pada satu masa dulu apabila saya tanya berapa kontena yang dikendalikan oleh semua pelabuhan di Malaysia, jumlahnya hanya satu juta kontena setahun dan hanya menjadi pelabuhan sokongan kepada Singapura.

"Masa itu, saya tak puas hati. Sekarang, Pelabuhan Klang saja (Westport, Pelabuhan Utara dan Terminal Kontena Klang) sudah mengendalikan lebih tiga juta kontena setahun. Ini semua adalah hasil kerja keras Ling," katanya.

Perdana Menteri berkata, Ling kini mempunyai hubungan peribadi dengan pemilik kapal di Amerika Syarikat, Eropah, Jepun, Korea dan Hong Kong dan ini sangat penting dalam perniagaan pelabuhan.

"Jika Ling letak jawatan dan diganti, kita mesti latih orang baru yang mungkin tak ada pengalaman. Perniagaan seperti ini memerlukan hubungan peribadi," katanya.

Ditanya pandangan beberapa pihak bahawa hanya beliau seorang yang menunjukkan minat terhadap teknologi dalam Kabinetnya, Dr Mahathir berkata semua anggota Kabinet rajin dan bekerja kuat.